



6 Cara Mulakan Bisnes Dengan Modal Kecil

👤 AUTHOR NORIZAN SHARIF

Wang adalah alasan yang salah untuk memulakan bisnes. Atau, tidak memulakan bisnes.

Apabila seseorang kata dia ingin memulakan bisnes kerana ada wang, saya katakan fikir habis-habis. Banyak lagi cara untuk "buat duit" tanpa buat bisnes. Satu cara yang lebih selamat ialah melabur dalam saham amanah.

Begitu juga apabila ada orang kata mereka tidak memulakan bisnes kerana tidak banyak wang. Banyak cara boleh buat bisnes tanpa menggunakan wang yang banyak.

Bagaimana?

1. Mulakan secara separuh masa

Usah berhenti kerja untuk memulakan bisnes. Mulakan dulu bisnes sewaktu bekerja. Untuk "set-up" bisnes, tak perlu berhenti kerja sepenuh masa. Gunakan waktu malam atau rehat untuk buat bisnes. Sewaktu bekerja, anda tidak tertekan. Anda boleh gunakan waktu ini untuk berfikir dan merancang.

2. Mulakan bisnes dari rumah

Ramai orang memulakan bisnes dari rumah, dan apabila bisnes berkembang barulah berpindah ke ofis. Usah terikut-ikut dengan orang lain yang ghairah mempunyai pejabat besar pada awal bisnes. Hari ini, ramai orang menjadikan "Starbuck" atau "Coffee Beans" sebagai pejabat.

3. Sewa peralatan, usah beli

Usah beli lori, sewa lori. Kos membeli sebuah lori boleh mencecah RM100,000. Lori yang sama boleh disewa dengan RM7,000 sebulan. Selepas beberapa bulan dan bisnes mula berkembang, barulah beli lori. Ketika itu kita sudah ada wang tunai yang lebih banyak berbanding tatkala mula berbisnes.

4. Beli barangan terpakai

Siapa kata nak mula bisnes mesti beli barangan baru. Meja dan kerusi terpakai jauh lebih murah dari perabot baru. Begitu juga laptop terpakai sudah cukup memenuhi keperluan bisnes kita pada peringkat permulaan.

5. Ikat perut

Sebahagian besar usahawan berjaya, ikat perut pada peringkat awal bisnes. Usah berlagak seperti jutawan belanja orang sana-sini. Sekiranya berjumpa orang di kedai makan, biarkan dia bayar. Berhenti makan di coffee house hotel lima bintang atau restoran mewah. Cukup makan di gerai dan nasi bungkus saja. Makanan ini bukan saja sedap, tetapi murah – sesuai dengan bajet kita.

6. Berniaga pada bulan Ramadan



nyai nafsu membeli yang tinggi pada bulan Ramadan. Berniaga pada bulan ini. Selain berniaga di bazar Ramadan, boleh juga berniaga pakaian atau kuih raya. Kumpulkan keuntungan pada untuk buka bisnes lain selepas raya!

CATEGORY BISNES

Share this post:



< [Ingat 10 Perkara Sebelum Mula Bisnes](#)

[10 Nasihat Untuk Berjaya Dalam Bisnes](#) >

RELATED POSTS



BISNES

[Kualiti Majikan](#)



BISNES

[Merayakan Bisnes Bungkus](#)



BISNES

[3 Tips Untuk Berjaya Dalam Kerjaya](#)



BISNES

[Tarik Perhatian Pelanggan Melalui Penulisan](#)



BISNES

[Memacu Bisnes Kecil ke Arah Korporat](#)



BISNES

[Belajar 5 Tips Bisnes Dari Pilot](#)

CARIAN PROGRAM INSKEN

Lokasi

Seluruh Malaysia

Tarikh

DD/MM/YYYY

Keyword

Cari Program

KALENDAR AKTIVITI

- [Bagaimana Mendapatkan Pensijilan Halal : Subang Jaya \(11-12 Oktober 2017\)](#)
- [Leveraging Contract and Vendor Partnership Towards SME Success, Sustainability and Competitiveness : Bandar Utama \(12 October 2017\)](#)
- [Role of Fintech in Meeting the Financial Needs of Entrepreneurs : Kuala Lumpur \(19 October 2017\)](#)
- [Senior Management Project Appreciation : Kuching \(21 October 2017\)](#)
- [INSKEN Graduate Entrepreneur Programme \(IGEP\) : Langkawi \(23-26 October 2017\)](#)

[Lihat Semua Aktiviti](#)